



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PENEMUAN UTAMA BANCI MALAYSIA 2020 DAN PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR 2021

---

**45.1 peratus dari Jumlah Penduduk Johor adalah Orang Muda,  
akan merancakkan Ekonomi Johor selepas mencatatkan pertumbuhan  
2.4 peratus pada Tahun 2021**

**KOTA ISKANDAR, 26 JULAI 2022** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menganjurkan Siri Jelajah Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN): Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan Prestasi Ekonomi 2021, Negeri Johor pada 26 Julai 2022. Program ini diadakan bertujuan berkongsi hasil dapatan Banci Malaysia 2020 dan prestasi ekonomi 2021 bagi Negeri Johor. Kira-kira 150 orang telah hadir pada program yang terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai Daerah, Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri bertempat di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim. Pembentangan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci 2020.

Ekonomi Negeri Johor telah berada semula pada landasan pemulihan. Pada tahun 2021, KDNK Negeri Johor telah mencatat nilai RM131.1 bilion berbanding RM 128.0 bilion pada tahun sebelumnya dengan pertumbuhan pada kadar 2.4 peratus iaitu lebih baik dari pencapaian pada tahun 2020 yang telah merekodkan pertumbuhan negatif 4.7 peratus. Manakala, struktur ekonomi Johor terus didominasi oleh dua sektor utama iaitu Perkhidmatan dan Pembuatan dengan sumbangan 83.0 peratus.

Prospek ekonomi Johor dijangkakan akan terus berkembang kesan daripada pembukaan semula sempadan Malaysia-Singapura dan ia akan merancakkan lagi usaha pemulihan negara. Melangkah ke hadapan, aktiviti perniagaan dapat

diteruskan dan dalam masa yang sama membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di Negeri Johor dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sektor Perkhidmatan bertumbuh 2.6 peratus didorong oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi dan subsektor kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sektor Pembuatan turut mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 5.5 peratus dipengaruhi oleh peningkatan pada produk elektrik, elektronik dan optikal serta peningkatan produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Eksport Johor telah meningkat sebanyak 20.6% dengan nilai eksport RM255.1 juta. Eksport barang utama Johor adalah keluaran petroleum bertapis (21.9%), litar elektronik bersepadu (13.6%) dan barang elektrik dan elektronik yang lain (7.2%).

Berdasarkan Banci Malaysia 2020, penduduk Malaysia adalah 32.4 juta orang dengan Johor mencatatkan bilangan penduduk seramai 4.01 juta orang. Pertumbuhan penduduk negeri ini meningkat pada kadar 2.2 peratus bagi tempoh 2010 hingga 2020. Johor turut mencatatkan bilangan lelaki melebihi perempuan dengan nisbah jantina 115 lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.

Jumlah komposisi generasi muda atau belia (penduduk berumur 15 - 40 tahun) di Negeri Johor adalah hampir satu per dua dari jumlah penduduk Johor iaitu sebanyak 45.1 peratus. Golongan muda ini majoritinya berada di daerah Johor Bahru iaitu 41.0 peratus diikuti daerah Batu Pahat sebanyak 12.7 peratus. Daerah Johor Bahru merupakan tempat tumpuan utama yang menawarkan peluang pekerjaan bagi golongan ini terutama dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan menyediakan pekerjaan sebanyak 60.0 peratus kepada penduduk bekerja di Johor manakala pembuatan menyumbang kepada 24.1 peratus pada tahun 2021.

Majoriti belia yang bekerja adalah daripada pendidikan menengah dengan mencatatkan 5,357.6 juta (53.5%) pekerja di Malaysia manakala 714.0 juta (60.6%) bagi Johor. Manakala pekerja dengan pendidikan tertiar merupakan tahap pendidikan kedua tertinggi di Malaysia iaitu 3,557.2 juta (35.5%) sementara Johor mencatatkan 373.7 juta (31.7%).

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh siswazah meningkat 85.3 peratus pada tahun 2020 berbanding 84.2 peratus tahun sebelumnya. Tenaga buruh di kalangan siswazah lelaki bagi Negeri Johor mencatatkan 229.7 ribu siswazah berbanding 187.6 ribu siswazah perempuan.

DUN Senai merekodkan peratus umur bekerja (15 hingga 64 tahun) tertinggi iaitu 80.1 peratus, diikuti DUN Parit Raja 79.1 peratus, Bukit Naning 76.1 peratus dan Bukit Pasir 75.2 peratus. Nisbah tanggungan yang tertinggi di antara DUN pula dicatatkan di DUN Rengit 55.5 peratus, Sedili 53.6 peratus dan di Johor Lama 52.9 peratus. Manakala, komposisi penduduk umur tua iaitu 65 tahun dan lebih di Johor adalah pada 6.1 peratus iaitu lebih rendah berbanding nasional pada 6.8 peratus. Berdasarkan dapatan daripada Banci Malaysia 2020 ini, dijangka negara akan mencapai status negara menua pada tahun 2030, iaitu apabila 15 peratus penduduknya berumur 60 tahun ke atas.


Transisi demografi adalah proses perubahan struktur penduduk yang perlana di mana penduduk beralih dari tahap kesuburan dan kematian yang tinggi ke tahap kesuburan dan kematian yang rendah serta berlaku perubahan ketara terhadap taburan umur penduduk. Peralihan demografi Malaysia pada tahun 2020 menunjukkan kadar kelahiran kasar (CBR) menurun kepada 14.4 bagi setiap seribu penduduk dan kadar kematian kasar (CDR) juga jatuh kepada 5.1 bagi setiap seribu penduduk. Kadar kelahiran bagi Negeri Johor ialah 15.1 bagi setiap seribu penduduk manakala kematian adalah 5.5 bagi setiap seribu penduduk pada tahun 2020.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

KAWASANKU merupakan inisiatif permulaan bagi pembangunan platform data terbuka generasi baharu yang mengandungi informasi berkaitan profil demografi

penduduk berdasarkan penemuan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 boleh diakses melalui <https://kawasanku.dosm.gov.my/>

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh daripada portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/pocketstatsS1\\_2022](https://bit.ly/pocketstatsS1_2022).



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JULAI 2022**

### 1 Siri masa KDNK Johor, 2015-2021




Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan menyumbang

**83.0%** kepada KDNK Johor


Sektor Pertanian & Pembuatan merekodkan kenaikan melebihi paras pra-pandemik 2019

### 2 Sumbangan dan Pertumbuhan mengikut sektor, 2021 (%)




### 1 Jumlah Penduduk Belia Negeri Johor Mengikut Daerah

29.1% Penduduk Johor terdiri dari Orang Muda



### 2 Statistik Utama Siswazah Johor, 2016-2020



### 3 Statistik Utama Siswazah Johor ('000), 2020

**489.2** Siswazah


**400.6** Bekerja

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah **85.3%**

**16.7** Menganggur

**71.9** Luar Tenaga Buruh

Kadar Pengangguran Siswazah **4.0%**



### Umur Bekerja (15-40 tahun) mengikut Pencapaian Pendidikan, Johor, 2020-2021

('000)

Pencapaian Pendidikan	Malaysia				Johor			
	2020	%	2021	%	2020	%	2021	%
Tiada Pendidikan Rasmi	217.5	2.2	357.3	3.6	12.3	1.1	26.2	2.2
Pendidikan Rendah	812.7	8.3	751.3	7.5	56.8	4.9	64.0	5.4
Pendidikan Menengah	5,342.0	54.5	5,357.6	53.5	767.0	66.6	714.0	60.6
Pendidikan Tertiari	3,424.1	35.0	3,557.2	35.5	314.8	27.4	373.7	31.7
<b>Jumlah</b>	<b>9,796.3</b>	100.0	<b>10,023.4</b>	100.0	<b>1,150.9</b>	100.0	<b>1,177.9</b>	100.0